

Pengecualian visa pelancong China, India

‘Keselamatan negara tak diabaikan’

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan aspek keselamatan negara tidak akan diabaikan, walaupun kerajaan memberi pengecualian visa kepada beberapa negara baru-baru ini.

Perdana Menteri menegaskan, agensi keselamatan sudah diarah memperkuatkan tapisan keselamatan supaya kemudahan pengecualian visa itu tidak menjejaskan keselamatan negara.

“Ada Ahli Yang Berhormat yang mungkin gusar kerana isu keselamatan dibangkitkan, maka agensi berkaitan diminta memperkuatkan tapisan keselamatan bagi memastikan kemudahan ini tidak menjejaskan keselamatan

negara, katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara, semalam.

Baru-baru ini, kerajaan memberi pengecualian visa selama 30 hari untuk rakyat China dan India ke Malaysia bermula 1 Disember depan, dalam semangat kerjasama strategik hubungan dua hala Malaysia-China yang genap 50 tahun, tahun depan.

Sementara itu, Perdana Menteri turut meminta supaya pengurusan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk mengendalikan sendiri aset kelengkapan masing-masing tanpa ada campur tangan pihak luar,

termasuk kerajaan.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, pengurangan kadar duti hiburan bagi Wilayah Persekutuan daripada 25 peratus kepada kadar baharu bukan untuk menggalakkan maksiat kerana ada syarat ketat.

Perdana Menteri turut menyentuh konflik Israel-Palestin dan mengingatkan rakyat supaya tidak menggunakan isu itu bagi menaikkan suhu perbezaan agama dan kaum di negara ini.

“Masyarakat tanpa mengira agama mahupun kaum, perlu memahami pendirian kerajaan menyokong Palestin dan menolak kekejaman Israel adalah kerana aspek kemanusiaan,” katanya.